

# Keris pada bendera UMNO bawa tuah

MELAKA 11 Sept. - Lambang keris terhunus pada bendera UMNO perlu dikekalkan kerana ia kelihatan serasi dan membawa tuah kepada orang Melayu, kata Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam.

Beliau berkata, lambang tersebut tidak perlu diubah kerana yang penting semangat perpaduan yang wujud dalam UMNO sekarang perlu dikekalkan.

Ketua Menteri Melaka itu menegaskan, adalah lebih elok jika ahli-ahli UMNO menjauhkan diri daripada masalah yang boleh menimbulkan suasana yang kurang elok dalam parti.

"Saya mendapati ada beberapa parti yang tidak guna lambang keris pada bendera mereka pun, tetap bergaduh juga.

'Yang penting sejauh mana kita memahami masalah pada peringkat pucuk pimpinan UMNO dan kita cuba memperbaikinya, lambang tidak menjadi ukuran," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Wanita dan Teknologi Maklumat sempena Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam di sini hari ini.

Beliau mengulas cadangan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob supaya keris Pasca Warisan berwarna hijau pada bendera UMNO sejak 60 tahun lalu digantikan kepada simbol lain yang lebih sesuai.

Menurut Adnan, keris tidak lagi sesuai digunakan sebagai lambang hak serta perjuangan orang Melayu kerana ia juga membawa maksud pergaduhan.

Mohd. Ali menjelaskan, Adnan mungkin membuat cadangan berkenaan setelah mengambil kira masalah yang timbul dalam kalangan pucuk pimpinan UMNO sejak kebelakangan ini.